



MAX YIELD¹

(Ini merupakan suatu produk insurans)

Maksimumkan potensi kewangan anda dan kekal dilindungi



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad merupakan ahli PIDM.

¹ Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maksimumkan potensi kewangan anda dan kekal dilindungi

Memiliki dana simpanan dapat membantu memastikan anda dan orang tersayang dilindungi sekiranya kecemasan kewangan berlaku.

Tingkatkan simpanan anda dengan MaxYield, pelan endowmen universal life yang menawarkan Pembayaran Tunai Dijamin dan potensi peningkatan untuk wang anda. Dengan pendapatan tambahan ini dan tempoh pembayaran premium singkat selama 5 tahun, MaxYield membantu anda mencapai matlamat kewangan jangka pendek dengan lebih cepat dan melindungi anda sepanjang tempoh polisi.

Manfaat sepintas lalu



Tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan



Pilihan tempoh pembayaran premium berdasarkan pilihan anda



Perlindungan untuk kematian atau Hilang Upaya Total & Kekal (TPD)



Pembayaran Tunai Dijamin (GCP) Tahunan akan dibayar kepada anda selama 13 tahun



Bayaran sekali gus apabila polisi anda matang pada akhir Tahun ke-13



Jaminan Tidak Luput

Produk ini bukan suatu DEPOSIT BANK atau Akaun Simpanan.

- MaxYield ialah pelan insurans hayat yang ditaja jamin oleh Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982/93745-A) ("Syarikat").
- OCBC Bank (Malaysia) Berhad (199401009721/295400-W) ("OCBC Bank") hanyalah pengedar produk ini.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan

Tanpa memerlukan sebarang pemeriksaan kesihatan, pendaftaran adalah lebih mudah untuk anda menikmati semua manfaat pelan ini.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Pilihan tempoh pembayaran premium berdasarkan pilihan anda

Anda mempunyai pilihan untuk memilih tempoh pembayaran premium selama 5 atau 7 tahun untuk perlindungan insurans selama 13 tahun. Pilihan tempoh pembayaran ini membolehkan anda menyesuaikan komitmen kewangan mengikut keperluan dan bajet anda.

Berdasarkan tempoh pembayaran premium yang anda pilih, premium yang diperlukan untuk polisi anda adalah seperti berikut:

Tahun Polisi	% daripada Premium Asas yang telah dibayar serta diperlukan pada Akaun Polisi Asas	
	5 tahun	7 tahun
1	70%	65%
2	82%	75%
3	90%	90%
4	96%	95%
5	97%	96%
6	-	100%
7	-	100%

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan untuk kematian atau Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD)

MaxYield menawarkan anda dan orang tersayang perlindungan kewangan sekiranya kematian atau TPD berlaku.

Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia bukan akibat kemalangan, atau mengalami TPD bukan akibat kemalangan sebelum ulang tahun polisi pada umur 70 tahun hari jadi berikut, perkara berikut akan dibayar bergantung pada tahun polisi:

- Mana yang paling tinggi:
 - Pembayaran manfaat dinyatakan seperti di bawah:

Tahun Polisi	Pembayaran Manfaat
1–2	100% daripada Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar ditolak Pembayaran Tunai Dijamin yang telah dibayar
3-Matang atau	Manfaat Kematian Dijamin

- Nilai Akaun Polisi Asas; dan
- sebarang Nilai Akaun Pelaburan Semula, selepas ditolak sebarang hutang (jika ada).

Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia akibat kemalangan, atau mengalami TPD akibat kemalangan sebelum ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut, perkara berikut akan dibayar:

- Mana yang paling tinggi:
 - Manfaat Kematian Dijamin; atau
 - Nilai Akaun Polisi Asas; dan
- sebarang Nilai Akaun Pelaburan Semula; dan
- 300% daripada Premium Tahunan Asas (hanya akan dibayar jika kematian akibat kemalangan atau TPD akibat kemalangan berlaku sebelum ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 65 tahun hari jadi berikut); selepas ditolak sebarang hutang (jika ada).

Nota:

1. Manfaat Kematian Dijamin ialah (105% daripada Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar) ditolak GCP keseluruhan yang telah dibayar.
2. Premium Asas adalah premium modal tetap yang telah dibayar untuk pelan asas tidak termasuk sebarang premium yang telah dibayar terlebih dahulu.
3. Premium Tahunan Asas merujuk pada jumlah Premium Asas keseluruhan yang telah dibayar untuk suatu Tahun Polisi, tidak termasuk sebarang premium yang telah dibayar terlebih dahulu.
4. Nilai Akaun Polisi Asas adalah daripada premium diperuntukkan, tidak termasuk sebarang premium yang telah dibayar terlebih dahulu, yang akan dilabur oleh Syarikat.
5. Nilai Akaun Pelaburan Semula adalah daripada amaun Pembayaran Tunai Dijamin yang dilabur semula oleh Syarikat apabila pilihan pelaburan semula dipilih.
6. Tertakluk pada terma dan syarat.



Pembayaran Tunai Dijamin (GCP)
Tahunan akan dibayar kepada anda
selama 13 tahun

Dengan MaxYield, anda akan menerima suatu peratusan daripada Premium Tahunan Asas pada setiap akhir tahun polisi melalui GCP, memberikan anda pendapatan tahunan tambahan. GCP ini akan dibayar sehingga kematian, TPD, serahan atau polisi matang, mana yang berlaku dahulu, dengan syarat semua premium asas dan premium lampau tempoh, jika ada, untuk tahun masing-masing telah dibayar.

Anda boleh memilih untuk menerima pendapatan ini secara tunai pada setiap tahun atau melabur semula dengan Syarikat untuk potensi peningkatan.

Akhir Tahun Polisi	% daripada Premium Tahunan Asas (berdasarkan tempoh pembayaran premium)	
	5 tahun	7 tahun
1–5	5%	5%
6–7	13%	5%
8–Matang	13%	13%

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Soalan lazim



Bayaran sekali gus apabila polisi matang pada akhir Tahun ke-13

Apabila polisi matang, anda akan menerima amaun sekali gus bersamaan dengan mana-mana yang lebih tinggi:

- 400% (tempoh pembayaran premium 5 tahun) / 620% (tempoh pembayaran premium 7 tahun) daripada Premium Tahunan Asas yang telah dibayar; atau
- Nilai Akaun Polisi Asas; dan sebarang Nilai Akaun Pelaburan Semula, selepas ditolak sebarang hutang (jika ada).

Jika terdapat sebarang premium dan faedah bagi premium lampau tempoh yang belum dibayar semasa matang, hanya Nilai Akaun Polisi Asas dan Nilai Akaun Pelaburan Semula, jika ada, akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Jaminan Tidak Luput

MaxYield mempunyai ciri ‘Jaminan Tidak Luput’ yang memastikan polisi anda akan terus berkuat kuasa walaupun Nilai Akaun Polisi Asas dan Nilai Akaun Pelaburan Semula, jika ada, menjadi sifar, dengan syarat semua premium dibayar sehingga terkini dan tiada faedah bagi premium lampau tempoh ke atas polisi anda.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Siapakah yang boleh memohon?

- J: Umur kemasukan minimum ialah mencapai umur 30 hari dan umur kemasukan maksimum ialah 65 tahun hari jadi berikut.

S: Berapakah Premium Tahunan Asas minimum dan maksimum untuk pelan ini?

J:

Tempoh Pembayaran Premium	5 tahun	7 tahun
Minimum	RM6,000	
Maksimum (bagi setiap hayat)		RM300,000

S: Berapakah yuran dan caj semasa?

- J: Terdapat lima (5) jenis caj bagi polisi ini, seperti berikut:

Caj Insurans

Caj insurans akan ditolak secara bulanan daripada Akaun Polisi Asas berdasarkan Jumlah Asurans Bersih dan Premium Tahunan Asas untuk manfaat kematian dan TPD akibat kemalangan, jika ada. Jika Nilai Akaun Polisi Asas tidak mencukupi, baki akan ditolak daripada Akaun Pelaburan Semula, dengan syarat pilihan pelaburan semula telah dipilih. Caj berbeza mengikut umur hari jadi berikut yang dicapai, jantina dan status merokok, mana yang berkenaan; dan akan meningkat apabila umur anda meningkat.

Jumlah Asurans Bersih = Manfaat Kematian Dijamin ditolak Nilai Akaun Polisi Asas

Yuran Polisi

Pada permulaan setiap bulan, Syarikat akan menolak yuran polisi bulanan sebanyak RM7.00 daripada Akaun Polisi Asas. Jika Nilai Akaun Polisi Asas tidak mencukupi, baki akan ditolak daripada Akaun Pelaburan Semula, dengan syarat pilihan pelaburan semula telah dipilih.

Caj Serahan

Caj serahan akan dikenakan sekiranya anda memilih untuk membuat serahan polisi dalam tempoh sepuluh (10) tahun pertama polisi. Caj serahan hanya akan dikenakan jika anda membuat serahan polisi atau mengurangkan Premium Asas iaitu serahan sebahagian. Caj serahan akan dikenakan ke atas amaun yang diserahkan daripada Akaun Polisi Asas selepas ditolak sebarang hutang bagi yuran polisi dan caj insurans kepada Syarikat.

Tahun Polisi	Caj Serahan (% daripada amaun serahan daripada Akaun Polisi Asas)
Pertama	10%
ke-2	9%
ke-3	8%
ke-4	7%
ke-5	6%
ke-6	5%
ke-7	4%
ke-8	3%
ke-9	2%
ke-10	1%
ke-11 dan selanjutnya	0%

Caj Pengurusan Dana

Caj Pengurusan Dana ialah 0.5% setahun. Caj ini akan ditolak secara bulanan daripada pulangan pelaburan sebelum pulangan kredit dikreditkan pada Akaun Polisi Asas dan Akaun Pelaburan Semula, bagi menanggung kos menguruskan pelaburan aset.

Caj Tambahan

Caj tambahan ialah 0.4% setahun. Caj ini akan ditolak secara bulanan daripada pulangan pelaburan sebelum

pulangan kredit dikreditkan pada Akaun Polisi Asas dan Akaun Pelaburan Semula, bagi menanggung kos menyediakan sesetengah manfaat dijamin di bawah polisi ini.

Nota: Yuran dan caj yang dikenakan mungkin berubah dari semasa ke semasa.

S: Bagaimakah saya boleh membuat bayaran?

- J: Anda boleh bayar menggunakan kad kredit, arahan bank, debit terus atau tunai. Anda mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan bergantung pada kelulusan daripada Syarikat.

S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?

- J: Tiada manfaat akan dibayar di bawah keadaan berikut:
- Kematian semasa tahun pertama polisi dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
 - TPD akibat kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
 - TPD yang sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko polisi atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian.

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.

S: Apakah komisen yang dibayar?

J: Ilustrasi di bawah mengandaikan hayat yang diasuranskan adalah seorang lelaki berumur 45 tahun hari jadi berikut dengan Premium Tahunan Asas sebanyak RM10,000.

Tahun Polisi	Komisen yang premium bagi setiap		ditanggung pemilik polisi dan dibayar daripada tahun (berdasarkan tempoh pembayaran premium)	
	5 tahun		7 tahun	
	Perkadar penolakan premium bagi komisen (%)	Amaun sebenar (RM)	Perkadar penolakan premium bagi komisen (%)	Amaun sebenar (RM)
1	7.50	750.00	10.50	1,050.00
2	8.75	875.00	10.25	1,025.00
3	6.75	675.00	8.50	850.00
4	1.00	100.00	2.75	275.00
5	1.00	100.00	1.00	100.00
6	0.00	0.00	1.00	100.00
7	0.00	0.00	1.00	100.00
8 dan ke atas	0.00	0.00	0.00	0.00

Angka ini termasuk amaun yang mungkin berhak diterima OCBC Bank bagi tempoh polisi anda, dengan syarat OCBC Bank memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan Syarikat.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada MaxYield tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967 dan keputusan akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Notis penting

MaxYield ialah pelan endowmen universal life dengan bayaran terhad. **Pelan ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Premium adalah kekal sama sepanjang tempoh pembayaran premium. Namun, yuran dan caj adalah tidak dijamin dan Syarikat mungkin menyemak semula yuran dan caj pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 3 bulan terlebih dahulu.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dipulangkan kepada Syarikat dalam tempoh ini, Syarikat akan membayar balik suatu amaun yang bersamaan dengan:

- a. Nilai Akaun Polisi Asas; dan
- b. sebarang amaun premium yang tidak diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas; dan
- c. caj insurans dan yuran polisi yang telah dikenakan; dan
- d. sebarang Nilai Akaun Pelaburan Semula.

Jika anda menyerahkan polisi anda lebih awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar. Polisi akan kekal berkuat kuasa walaupun anda tidak membayar premium selepas tempoh tenggang selama 30 hari sekiranya terdapat nilai yang mencukupi dalam Akaun Polisi Asas atau Akaun Pelaburan Semula untuk membayar caj insurans dan yuran polisi. Sebarang premium yang dibayar selepas tempoh premium perlu dibayar tamat, tidak layak menerima pulangan kredit yang telah ditentukan sebelum bayaran tersebut dilakukan. Sebarang premium yang dibayar selepas tempoh tenggang akan dikenakan faedah bagi premium lampau tempoh pada kadar yang akan ditentukan Syarikat dari semasa ke semasa. Kadar faedah semasa boleh didapati melalui laman sesawang rasmi Syarikat. Faedah akan dikenakan daripada tarikh premium perlu dibayar dan tidak akan diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas dan Akaun Pelaburan Semula,

jika ada. Polisi mungkin luput jika anda gagal membayar premium dan caj yang diperlukan melebihi nilai dalam Akaun Polisi Asas dan Akaun Pelaburan Semula, jika ada.

Kadar kredit diperoleh berdasarkan pulangan pelaburan dana universal life. Kadar kredit sebenar adalah tidak dijamin dan akan turun naik berdasarkan prestasi pelaburan dana universal life. Kadar kredit yang lebih tinggi mungkin diisyiharkan jika prestasi pelaburan adalah baik, dan sebaliknya kadar kredit yang lebih rendah atau negatif mungkin diisyiharkan jika prestasi pelaburan adalah buruk. Kadar kredit negatif akan menyebabkan pengurangan Nilai Akaun.

Sebarang amaun premium yang tidak diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas akan digunakan untuk membayar komisen kepada OCBC Bank dan perbelanjaan am Syarikat.

Jika anda menukar polisi insurans anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki untuk menghantar borang cadangan yang mana penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang akan dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi.

Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kakitangan jualan OCBC Bank untuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pemberitahuan Produk, Lembaran Fakta Dana dan contoh kontrak polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Syarikat.

Penafian

- MaxYield ialah pelan insurans hayat yang ditaja jamin oleh Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982/93745-A) dan OCBC Bank (Malaysia) Berhad (199401009721/295400-W) hanyalah pengedar produk ini.
- Risalah ini mengandungi maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak insurans.
- Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas mungkin tidak menyeluruh. Terma dan syarat serta takrif tepat bagi pelan insurans ini dinyatakan dalam kontrak polisi.
- Produk insurans ini bukan suatu deposit bank dan bukan suatu kewajipan atau dijamin atau diinsuranskan oleh OCBC Bank. Produk insurans ini merupakan kewajipan syarikat insurans iaitu Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.
- Semua pertanyaan berkenaan tuntutan dan liabiliti yang timbul daripada polisi hendaklah dibuat kepada Syarikat. OCBC Bank menafikan liabiliti terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang timbul atas apa jua yang berkaitan dengan produk insurans ini.
- Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982/93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.

Muka surat ini sengaja ditinggalkan kosong.

Muka surat ini sengaja ditinggalkan kosong.

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

**Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
(198201013982 / 93745-A)**

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

📞 03-4259 8888

📠 03-4259 8000

✉️ bancadmin@greateasternlife.com

👉 www.greateasternlife.com

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Customer Service Careline di 1300-1300 88.